

MAJLIS DIALOG PELAJAR & PENGURUSAN KALI KE-2, 2008



Persatuan Mahasiswa Perniagaan & Ekonomi (PMPE), persatuan yang mewakili suara pelajar Sekolah Perniagaan & Ekonomi telah berjaya menganjurkan Sesi Dialog bersama pengurusan & kakitangan akademik baru-baru ini bertempat di DKP pada 27 Februari 2008. Sesi dialog yang diadakan adalah bagi memberi peluang kepada para pelajar menyampaikan sebarang kemuskyilan dan persoalan berkaitan masalah pelajar dan akademik secara terus kepada pihak pengurusan sekolah. Majlis dialog turut dihadiri oleh Presiden PMPE, Sdri Nazirah Ahmad, wakil YDP MPP, Sdra Tan dan beberapa exco MPP. Selain itu, ia turut dihadiri oleh ketua-ketua program dan pensyarah. Majlis dialog berjaya merungkai beberapa persoalan melalui respon terus yang diberikan oleh Dekan dan pegawai pengurusan. Aktiviti sebegini merupakan satu diantara pelbagai aktiviti yang dirancangkan oleh PMPE setiap tahun.